

21 JUN 1999

PANTAI-PENGAMBILALIHAN

PANTAI HOLDINGS CADANG PENGAMBILALIHAN DUA LAGI HOSPITAL

IPOH, 21 Jun (Bernama) -- Pantai Holdings Bhd, sebuah syarikat yang menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan bersepadu bercadang untuk memiliki ekuiti dalam dua lagi hospital swasta di Lembah Klang, kata ketua pegawai eksekutif kumpulan (hospital), Datuk Dr Ridzwan Datuk Abu Bakar, hari ini.

Kedua-dua hospital itu adalah sebahagian daripada tujuh "hospital sendiri" di negara ini yang membuat tawaran jualan kepada syarikat tersebut berikutan kegawatan ekonomi ketika ini.

Bagaimanapun, beliau enggan menamakan hospital terbabit kerana perkara itu masih dipertimbangkan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas pembukaan rasmi Hospital Pantai Putri Ipoh bernilai RM42 juta milik sebuah daripada anak syarikatnya, oleh Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng. Pengerusi eksekutif syarikat itu, Mokhzani Mahathir, turut hadir di majlis itu.

Pantai Holdings kini mempunyai enam hospital swasta termasuk yang baru diambilalih, Ayer Keroh Medical Centre, kini di kenali sebagai Hospital Pantai Ayer Keroh, manakala yang lain adalah Pantai Medical Centre di Bangsar, Pantai Cheras Medical Centre Sdn Bhd, Pantai Klang Specialist Medical Centre, Pantai Mutiara di Pulau Pinang dan Pantai Putri di Ipoh.

Dr Ridzwan berkata langkah oleh hospital swasta tertentu untuk menawarkan ekuiti mereka kepada syarikat tersebut menunjukkan pengusahaan perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah mahal dan kesan yang begitu serius dirasai berikutan kegawatan ekonomi ketika ini.

Mengenai Hospital Pantai Putri, beliau berkata walaupun hospital itu memulakan operasi tiga tahun lalu, kelewatan dalam pembukaan rasminya dalah berikutan langkah menjadualkan semula ekuiti pemegang sahamnya kerana sesetengah daripadanya telah menarik diri.

Ketika ini pemegang saham majoriti adalah Pantai Holding (54 peratus), dengan cabang pelaburan kerajaan negeri Perak, Yayasan Perak, memegang 16 peratus. Bakinya dibahagikan antara beberapa individu dan syarikat.

Dr Ridzwan berkata syarikat itu akan memperkenalkan rawatan khusus bagi pembedahan saraf dan jantung di hospital tersebut tidak lama lagi untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi perkhidmatan seumpama itu di negeri ini.

Beliau berkata pakar bedah tempatan telah dikenalpasti untuk mengetuai unit itu kerana kadar kemalangan motor semakin meningkat berikutan jumlah trafik tinggi di Perak yang menjadi pusat bagi lebuhraya persekutuan dan Lebuhraya Utara Selatan.

Selepas unit baru itu ditubuhkan, kemudahan hospital tersebut akan dipertingkatkan dalam tempoh enam bulan yang akan datang, katanya.

-- BERNAMA

HK ZK MA